



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 13/2020
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa **Majlis Membaca Surah Yaasin dan Tahlil 40 Hari bagi Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah akan diadakan pada hari Rabu, 17 Rabiulakhir 1442 bersamaan 2 Disember 2020 bermula pada jam 5.00 petang** di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh Negara Brunei Darussalam dengan tumpuan seperti berikut:

TUMPUAN UTAMA

- 1) Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Kampong Kiarong;

DAERAH BRUNEI DAN MUARA

- 1) Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan;
- 2) Masjid Hassanal Bolkiah, Kampong Mentiri;
- 3) Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampong Jerudong;
- 4) Masjid Mohamed Bolkiah, Kampong Serusop;
- 5) Masjid Sultan Sharif Ali, Kampong Sengkurong;
- 6) Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampong Sungai Kebun;
- 7) Masjid Setia Ali, Pekan Muara;
- 8) Masjid Perpindahan Negara Lambak Kanan;

DAERAH BELAIT

- 1) Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait;
- 2) Masjid Perpindahan Negara Kampong Pandan, Kuala Belait;
- 3) Masjid Pekan Seria, Daerah Belait;



-2-

DAERAH TUTONG

- 1) Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong;

DAERAH TEMBURONG

- 1) Masjid Utama Mohd Salleh, Pekan Bangar.

2. **Pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan serta orang ramai adalah dipohonkan untuk bersama-sama hadir ke masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara dengan tumpuan utama di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Kampong Kiarong** bagi bersama-sama meramaikan Majlis Membaca Surah Yaasin dan Tahlil 40 Hari bagi Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah. Perlaksanaan Majlis Membaca Surah Yaasin dan Tahlil 40 Hari bagi Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah adalah sebagaimana garispandu (SOP) yang berjalan pada masa ini bagi menghadiri Sembahyang Fardhu Jumaat berjemaah di masjid, surau dan balai ibadat senegara.

3. Bagi membolehkan pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan untuk sama-sama menghadirkan diri ke Majlis Membaca Surah Yaasin dan Tahlil 40 Hari bagi Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, maka kelonggaran adalah diberikan kepada waktu bekerja di Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan termasuklah guru-guru yang bertugas pada hari Rabu, 17 Rabiulakhir 1442 bersamaan 2 Disember 2020 yang mana **waktu bekerja adalah mulai jam 7.45 pagi hingga 12.15 tengahari dan mulai 1.30 petang hingga 3.00 petang, kecuali bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan dan guru-guru yang diperlukan untuk bertugas oleh Ketua Jabatan masing-masing pada hari berkenaan.**



-3-

Sekian disampaikan.

"Warga Sihat Negara Sejahtera"

Dengan hormat

[MOHD RIZA BIN DATO PADUKA HAJI MOHD YUNOS]
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA1000
Negara Brunei Darussalam

Rujukan : (13) JPM/SK/2020
Tarikh : 12 Rabiulakhir 1442 / 28 November 2020